

Sunway REIT catat untung bersih suku ketiga lebih besar RM127.68 juta

BH bharian.com.my/bisnes/korporat/2025/11/1470031/sunway-reit-catat-untung-bersih-suku-ketiga-lebih-besar-rm12768-juta

BERNAMA

November 10, 2025



Sunway REIT

KUALA LUMPUR: Sunway Real Estate Investment Trust (REIT) mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM127.68 juta bagi suku ketiga yang berakhir pada 30 September 2025, meningkat daripada RM89.14 juta setahun sebelumnya.

Perolehan meningkat 23.1 peratus kepada RM236.43 juta daripada RM192.14 juta, disokong oleh pertumbuhan merentasi segmen runcit, hotel, perindustrian dan lain-lain.

"Segmen runcit mengekalkan momentum yang kukuh, dengan perolehan meningkat 28 peratus kepada RM167.2 juta daripada RM130.6 juta pada suku ketiga 2024," kata Sunway REIT dalam satu kenyataan.

Pertumbuhan itu didorong oleh sumbangan daripada aset runcit yang diperolehi pada 2024, penambahan AEON Mall Seri Manjung yang siap pada 25 Julai 2025, dan pendapatan lebih kukuh di Sunway Pyramid Mall selepas pembukaan Oasis Precinct pada 1 November 2024.

Hasil daripada segmen hotel meningkat 20 peratus kepada RM35 juta, daripada RM29.2 juta tahun sebelumnya, disokong oleh kadar penghunian yang lebih tinggi dan permintaan kukuh terhadap acara mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE).

Sementara itu, pendapatan hartanah bersih (NPI) meningkat 21 peratus kepada RM33.9 juta daripada RM28.1 juta.

Kedua-dua Sunway Resort Hotel dan Sunway Putra Hotel mencatatkan peningkatan prestasi tiga kali ganda, dengan pemulihan Sunway Resort Hotel sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan 85 peratus dalam keuntungan segmen makanan dan minuman.

Segmen perindustrian dan lain-lain Sunway REIT mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 93 peratus tahun ke tahun kepada RM4.4 juta, meningkat daripada RM2.3 juta. NPI dalam segmen ini menokok 86 peratus kepada RM3.6 juta daripada RM1.9 juta, didorong oleh sumbangan sewa daripada pengambilalihan Sunway REIT Industrial – Prai pada Oktober 2024.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangannya yang berakhir pada 31 Disember 2025, keuntungan bersih meningkat kepada RM361.36 juta daripada RM321.19 juta, manakala pendapatan naik kepada RM666.69 juta daripada RM546.30 juta setahun sebelumnya.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Sunway REIT Management, Ng Bee Lien, berkata REIT akan terus melaksanakan pengambilalihan aset strategik dan inisiatif peningkatan nilai bagi mengukuhkan portfolionya yang pelbagai.

"Kami juga akan terus fokus pada kemampanan dan kecekapan operasi, selaras dengan komitmen jangka panjang kami untuk memberikan pulangan yang berdaya tahan dan penciptaan nilai yang mampan untuk pemegang unit," katanya.